

16 JAN 2000

Muzium Padi

MUZIIUM PADI PERTAMA DI DUNIA SIAP APRIL 2001

ALOR SETAR, 16 Jan (Bernama) -- Muzium Padi yang pertama di dunia yang sedang dalam pembinaan menggunakan kepakaran Korea Utara dijangka siap April tahun hadapan.

Menteri Besar Datuk Syed Razak Syed Zain berkata, muzium itu apabila siap nanti akan menjadi satu daya tarikan pelancong di Kedah kerana ia adalah satu-satunya seumpama itu di dunia.

"Muzium itu dibina dengan bantuan Korea Utara kerana mereka mempunyai kepakaran dalam seni bina muzium dan hiasan dalaman yang berkaitan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Lukisan Korea Utara di Balai Seni, di sini malam tadi.

Pembinaan muzium berharga RM26 juta itu yang terletak di kaki Gunung Keriang, kira-kira 10 km dari Alor Setar, dimulakan Julai tahun lepas.

Syed Razak berkata, sebuah syarikat kontraktor negara ini turut terlibat dalam pembinaan muzium itu yang kini hampir 70 peratus siap.

Muzium itu, yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bakal mempamerkan pelbagai jenis padi di dunia, peralatan penanaman padi, produk dan makanan yang dihasilkan daripada padi dan pelbagai lagi yang berkaitan dengan sejarah penanaman padi secara tradisional.

Sementara itu, semasa berucap merasmikan pameran lukisan itu, beliau berkata kerajaan negeri akan memberi kerjasama kepada mana-mana pihak yang berusaha meningkatkan kegiatan seni di negeri ini.

Katanya, karya seni luar negara akan memperkayakan pengalaman masyarakat negeri ini dalam bidang seni di samping dapat membandingkan karya pelukis dan kebudayaan luar.

Pameran selama seminggu itu mempamerkan 18 lukisan hasil karya pelukis terkenal dari Korea Utara, Choe Myong Sik, 49.

Turut hadir ialah Duta Besar Korea Utara ke Malaysia Kim Ta Ryong.

-- BERNAMA

MN AKD